

# Melayu perlu budaya baru

BH 30 APR 2000

**KUALA LUMPUR:** Bangsa Melayu perlu membentuk satu budaya baru untuk menangkis pelbagai pengaruh tidak sihat, dan pada masa sama memastikan identiti keMelayuannya tidak hilang.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, untuk mencapai hasrat ini, kerajaan sudah berusaha melahirkan satu bangsa yang memiliki nilai baik yang boleh menangkis pengaruh dari luar.

"Melayu yang memiliki budaya ini dikenali sebagai Melayu Baru. Mereka disemai dengan nilai hidup yang baik dan boleh menangkis pe-

ngaruh buruk.

"Melayu Baru bukan kaki minum arak, tahi judi, kaki perempuan, menolak agama Islam dan adat resam Melayu seperti cuba digambarkan oleh mereka yang ingin Melayu terus kolot dan tidak mampu menangani cabaran zaman moden.

---

## LAGI LAPORAN DI MUKA 5

---

"Melayu Baru yang dimaksudkan ialah terpelajar, bersemangat, berani menghadapi cabaran dan pegangan kepada Islam tidak terhad kepada

rupa bentuk tetapi kepada nilai Islam seperti amanah, tidak mungkir janji, ikhlas, berfikiran waras, toleran dan tidak mudah menuduh orang lain sebagai tidak Islam.

"Melayu seperti ini tidak mudah tergoda dengan nafsu tetapi boleh mengatasi cabaran dengan pendekatan rasional," katanya ketika merasmikan Simposium 'Jati Diri Melayu Abad 21' sempena pelancaran Kursi Za'ba oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), di Pusat

## LIHAT MUKA 2

# Melayu perlu budaya baru

## DARI MUKA 1

Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini, semalam.

Turut hadir pada majlis itu isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad dan Naib Canselor UPSI, Datuk Dr Ashari Che Mat.

Perdana Menteri berkata, sesiapa yang menghalang pembentukan Melayu Baru ini sama dengan orang zaman dulu yang percaya mempelajari ilmu dalam bahasa Inggeris akan menyebabkan orang Melayu jadi Kristian.

Katanya, Melayu Baru mampu menguasai teknologi maklumat (IT) dan tidak terbabit dengan sebarang bentuk maksiat kerana mereka memiliki dan mengamalkan nilai murni yang memberi kekuatan kepada orang Islam di zaman kegemilangan Islam.

"Melayu kolot menganggap dunia yang dikurniakan Allah (SWT) kepada umat manusia sebagai syurga bagi orang bukan Islam tetapi untuk orang Islam disediakan syurga di akhirat saja, akan menjadi lemah sehingga mereka akan dijajah semula.

"Kita belum boleh yakin orang yang miskin dalam serba serbi, akan kukuh dan kuat imannya. Kemungkinannya ialah iman mereka lebih lemah," katanya.